14 Mac 2023
14 March 2023
P.U. (A) 67

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (LAPORAN AKAUNTAN) 2023

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) (ACCOUNTANT'S REPORT) RULES 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (LAPORAN AKAUNTAN) 2023

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Laporan akauntan boleh dikemukakan oleh akauntan tertentu
4. Kehilangan kelayakan akauntan untuk mengemukakan laporan akauntan
5. Kewajipan akauntan sebelum menandatangani laporan
6. Bentuk laporan akauntan
7. Pengecualian daripada pengemukaan laporan akauntan
8. Tempoh perakaunan
9. Penyampaian notis

JADUAL

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (LAPORAN AKAUNTAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 68 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*], Majlis Peguam Syarie, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2023.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, "akaun", "akaun anak guam", "anak guam", "wang amanah" dan "wang anak guam" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023 [*P.U. (A) 66/2023*].

Laporan akauntan boleh dikemukakan oleh akauntan tertentu

3. Seseorang akauntan layak untuk mengemukakan laporan akauntan yang disebut dalam seksyen 67 Akta sekiranya—

(a) dia ialah seorang juruaudit syarikat diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) dia tidak pernah pada bila-bila masa semasa tempoh perakaunan, atau selepas itu, sebelum mengemukakan laporannya, menjadi rakan kongsi atau pekerja Peguam Syarie yang baginya laporan akauntan itu akan dikemukakan atau mana-mana rakan kongsi Peguam Syarie itu; dan

(c) dia tidak hilang kelayakan di bawah kaedah 4.

Kehilangan kelayakan akauntan untuk mengemukakan laporan akauntan

4. (1) Jika—

(a) seseorang akauntan telah didapati bersalah oleh pihak berkuasa tatatertib badan profesionalnya atas suatu kelakuan tidak profesional; atau

(b) Majlis Peguam Syarie berpuas hati bahawa seseorang akauntan cuai dalam mengemukakan sesuatu laporan akauntan kerana gagal menyatakan dalam laporan itu apa-apa ketidakpatuhan oleh seseorang Peguam Syarie terhadap peruntukan Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023,

Majlis Peguam Syarie boleh, pada bila-bila masa, memberi notis kepada akauntan yang terlibat itu yang menghendakinya untuk mengemukakan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan notis itu, suatu penjelasan tentang sebab dia tidak patut hilang kelayakan daripada mengemukakan laporan akauntan itu.

(2) Majlis Peguam Syarie hendaklah—

(a) selepas mempertimbangkan penjelasan yang diberikan oleh akauntan itu; atau

(b) sekiranya akauntan itu gagal untuk mengemukakan apa-apa penjelasan dalam tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (1), selepas tamat tempoh itu,

memutuskan sama ada akauntan itu hilang kelayakan daripada mengemukakan laporan akauntan.

(3) Majlis Peguam Syarie hendaklah memberitahu akauntan yang terlibat itu secara bertulis dan Peguam Syarie yang baginya laporan akauntan itu telah dikemukakan tentang keputusannya yang dibuat di bawah subkaedah (2).

Kewajipan akauntan sebelum menandatangani laporan

5. (1) Bagi maksud mengemukakan suatu laporan akauntan, seseorang akauntan hendaklah mengenal pasti daripada Peguam Syarie butir-butir semua akaun, termasuk akaun amanah, yang disimpan, disenggara atau dikendalikan oleh Peguam Syarie itu berkaitan dengan amalannya pada bila-bila masa semasa tempoh perakaunan yang berkaitan dengan laporannya dan membuat pemeriksaan yang berikut terhadap buku, akaun dan dokumen lain yang berkenaan Peguam Syarie itu:

(a) memeriksa sistem tatabuku di setiap pejabat Peguam Syarie untuk membolehkan akauntan itu menentusahkan bahawa sistem itu mematuhi Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023, dan jika ya menentukan bahawa—

(i) akaun lejar yang sesuai disimpan bagi setiap anak guam;

(ii) akaun lejar itu menunjukkan secara berasingan daripada maklumat lain butir-butir semua anak guam, wang yang diterima, dipegang atau dibayar bagi setiap anak guam; dan

(iii) transaksi yang berhubungan dengan wang anak guam dan apa-apa wang lain yang dikendalikan melalui suatu akaun anak guam direkodkan dalam buku Peguam Syarie supaya dibezakan transaksi itu daripada transaksi yang berhubungan dengan apa-apa wang lain yang diterima, dipegang atau dibayar oleh Peguam Syarie itu;

(b) membuat semakan ujian mengenai pembukuan kepada akaun lejar anak guam daripada rekod penerimaan dan pembayaran wang anak guam dan membuat semakan ujian mengenai kos akaun dan rekod itu;

(c) membandingkan sampel bayaran yang dibuat daripada akaun anak guam sebagaimana yang ditunjukkan dalam penyata akaun dengan rekod Peguam Syarie tentang penerimaan dan pembayaran wang anak guam;

(d) menyiasat dan menyemak uji sistem bagi merekodkan kos dan membuat pemindahan berkenaan dengan kos daripada akaun anak guam;

(e) membuat pemeriksaan ujian mengenai apa-apa dokumen yang diminta olehnya supaya dikemukakan oleh Peguam Syarie dengan tujuan untuk memastikan dan mengesahkan—

(i) bahawa transaksi kewangan, termasuk yang menyebabkan pemindahan dari satu akaun lejar ke akaun lejar yang lain, yang dibuktikan daripada dokumen itu, adalah mengikut Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023; dan

(ii) bahawa catatan pada akaun lejar anak guam mencerminkan transaksi-transaksi itu mengikut cara yang mematuhi Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023;

(f) membuat cabutan, atau menyemak cabutan, baki akaun lejar anak guam semasa tempoh perakaunan yang disemak pada tidak kurang daripada dua tarikh yang dipilih oleh akauntan itu

(salah satu daripadanya boleh merupakan hari terakhir tempoh perakaunan itu), dan pada setiap tarikh itu—

(i) membandingkan jumlah yang ditunjukkan dalam akaun lejar itu tentang liabiliti kepada anak guam, termasuk anak guam yang baginya wang amanah dipegang dalam akaun anak guam, dengan baki buku tunai pada akaun anak guam; dan

(ii) menyelaraskan baki buku tunai itu dengan baki akaun anak guam sebagaimana yang disahkan secara langsung kepada akauntan itu oleh institusi kewangan Islam;

(g) memuaskan hatinya bahawa penyata penyelarasan telah disimpan mengikut Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023;

(h) membuat pemeriksaan ujian mengenai akaun lejar anak guam untuk menentukan sama ada pembayaran daripada akaun anak guam telah dibuat atas mana-mana akaun individu melebihi wang yang dipegang bagi pihak anak guam itu;

(i) meneliti apa-apa lejar pejabat, akaun tunai dan penyata akaun yang disenggara oleh Peguam Syarie untuk menentukan sama ada apa-apa wang anak guam telah tidak dibayar ke dalam akaun anak guam; dan

(j) meminta apa-apa maklumat dan penjelasan yang dikehendakinya yang berbangkit daripada perenggan *(a)* hingga *(i)*.

(2) Jika seseorang Peguam Syarie menggunakan sistem perakaunan berkomputer atau mekanikal yang secara automatik mengeluarkan cabutan tentang semua baki lejar anak guam, kehendak perenggan (1)*(f)* bahawa semua baki lejar

anak guam yang dicabut pada senarai yang dikeluarkan oleh komputer atau mesin mesti disemak berdasarkan rekod individu akaun lejar adalah diketepikan dengan syarat akauntan itu—

(a) berpuas hati bahawa sistem atau kawalan yang memuaskan dilaksanakan;

(b) menjalankan semakan ujian mengenai cabutan itu berdasarkan rekod individu; dan

(c) menyatakan dalam laporannya bahawa dia telah menggunakan cara ini.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subkaedah (2), kehendak perenggan (1)*(f)* yang selebihnya tidak diketepikan dan perbandingan yang sewajarnya mesti terus dibuat pada tidak kurang daripada dua tarikh.

(4) Tiada apa-apa dalam subkaedah (1) boleh menghendaki akauntan itu—

(a) untuk melanjutkan penyiasatannya melangkaui maklumat yang terkandung dalam dokumen yang berkenaan yang berhubungan dengan apa-apa perkara anak guam yang dikemukakan kepadanya ditambah dengan apa-apa maklumat dan penjelasan yang diperoleh olehnya daripada Peguam Syarie;

(b) untuk menyiasat mengenai saham, syer, sekuriti lain atau dokumen hak milik yang dipegang oleh Peguam Syarie bagi pihak anak guamnya; atau

(c) untuk mempertimbangkan sama ada buku akaun Peguam Syarie itu telah ditulis dengan sepatutnya mengikut Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan)

(Akaun Peguam Syarie) 2023, pada bila-bila masa selain masa pemeriksaannya terhadap buku dan akaun itu dibuat.

(5) Sekiranya selepas membuat sesuatu pemeriksaan mengikut kaedah ini, akauntan itu mendapati bahawa terdapat keterangan bahawa Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023 telah tidak dipatuhi, dia hendaklah membuat apa-apa pemeriksaan lanjut yang difikirkannya perlu untuk melengkapkan laporannya dengan atau tanpa syarat.

Bentuk laporan akauntan

6. (1) Suatu laporan akauntan yang dikemukakan oleh Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Jika seseorang Peguam Syarie juga merupakan seorang Peguam Syarie Negeri, Peguam Syarie itu boleh, bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, mengemukakan—

(a) suatu laporan akauntan yang termasuk suatu laporan berkenaan dengan pemeriksaan yang dijalankan terhadap buku, akaun dan dokumen firma Peguam Syarie itu yang didaftarkan di mana-mana Negeri di Malaysia di bawah undang-undang yang berkenaan bagi tempoh perakaunan yang berkaitan; atau

(b) laporan akauntan yang telah dikemukakan oleh Peguam Syarie itu di bawah undang-undang yang berkenaan yang termasuk suatu laporan berkenaan dengan pemeriksaan yang dijalankan terhadap buku, akaun dan dokumen firma Peguam Syarie itu yang didaftarkan di Wilayah-Wilayah Persekutuan bagi tempoh perakaunan yang berkaitan.

(3) Bagi maksud kaedah ini, "undang-undang yang berkenaan" ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan profesion guaman syarie yang berkuat kuasa di Negeri yang berkenaan.

Pengecualian daripada pengemukaan laporan akauntan

7. (1) Bagi maksud perenggan 28(2)*(b)* Akta, seseorang Peguam Syarie dikecualikan daripada mengemukakan suatu laporan akauntan berkenaan dengan mana-mana tahun amalan yang Peguam Syarie itu—

(a) memegang perakuan amalannya yang pertama;

(b) selepas dua belas bulan atau lebih berhenti daripada memegang perakuan amalan semasa, memegang perakuan amalannya yang berikutnya; atau

(c) tidak pernah, dalam tempoh dua belas bulan sebelum permohonannya untuk Perakuan Amalan Tahunan—

(i) beramal sebagai pemilik tunggal atau perkongsian; atau

(ii) memegang atau menerima wang anak guam.

(2) Majlis Peguam Syarie boleh menghendaki mana-mana Peguam Syarie yang baginya subkaedah (1) terpakai untuk mengemukakan kepada Majlis Peguam Syarie apa-apa keterangan, melalui akuan berkanun atau selainnya, sebagaimana yang dikehendaki untuk menentusahkan fakta yang disebut dalam subkaedah (1).

Tempoh perakaunan

8. (1) Tempoh perakaunan yang dinyatakan dalam sesuatu laporan akauntan yang dikemukakan semasa tahun amalan yang bermula pada 1 Januari hendaklah bermula pada 1 Januari tahun itu dan tamat pada 31 Disember tahun yang sama.

(2) Dalam mana-mana tahun amalan yang bermula pada atau selepas 1 Januari—

(a) dalam hal Peguam Syarie yang—

(i) dikehendaki untuk mengemukakan laporan akauntannya yang pertama; atau

(ii) apabila telah dikecualikan di bawah kaedah 7 berkenaan dengan tahun amalan yang sebelumnya, dikehendaki mengemukakan suatu laporan akauntan,

tempoh perakaunan hendaklah bermula pada tarikh yang dia mula-mula memegang atau menerima wang anak guam, atau selepas pengecualian dia mula memegang atau menerima wang anak guam; dan

(b) dalam hal Peguam Syarie yang bersara daripada amalan yang dia dikehendaki untuk mengemukakan laporan akauntannya yang terakhir, tempoh perakaunan hendaklah berakhir pada tarikh yang dia terhenti memegang atau menerima wang anak guam.

(3) Tempoh perakaunan—

(a) berkenaan dengan Peguam Syarie yang disebut dalam subkaedah (2); dan

(b) dalam mana-mana tahun amalan yang bermula pada atau selepas 1 Januari, berkenaan dengan Peguam Syarie yang—

(i) tidak dikecualikan di bawah kaedah 7 berkenaan dengan tahun amalan yang sebelumnya; dan

(ii) sejak tamatnya tempoh perakaunan yang diliputi dalam laporan akauntan terakhirnya, telah menjadi, atau terhenti menjadi, anggota firma Peguam Syarie,

boleh meliputi kurang daripada dua belas bulan dan hendaklah dalam semua aspek lain mematuhi kehendak subseksyen 67(3) Akta.

Penyampaian notis

9. (1) Tiap-tiap notis yang hendak diberikan oleh Majlis Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah ini kepada seseorang Peguam Syarie atau seseorang akauntan hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh Setiausaha atau seorang anggota Majlis Peguam Syarie yang ditetapkan oleh Majlis Peguam Syarie bagi maksud itu.

(2) Notis yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dihantar kepada Peguam Syarie atau akauntan itu—

(a) secara ke diri;

(b) melalui pos berdaftar atau kurier—

(i) dalam hal Peguam Syarie, ke alamat Peguam Syarie itu yang terakhir diketahui; atau

(ii) dalam hal akauntan, ke alamat akauntan itu yang ditunjukkan pada laporan akauntan atau yang terdapat dalam rekod badan perakaunan yang akauntan itu ialah anggota; atau

(c) dalam keadaan-keadaan yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie, melalui e-mel.

(3) Sekiranya notis yang disebut dalam subkaedah (1) dihantar—

(a) melalui pos berdaftar di bawah perenggan (2)*(b)*, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima oleh Peguam Syarie atau akauntan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh tujuh hari dari masa pengeposan; atau

(b) melalui e-mel di bawah perenggan (2)*(c)*, notis itu hendaklah disifatkan telah diterima oleh Peguam Syarie atau akauntan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada masa e-mel itu dihantar ke alamat e-melnya.

JADUAL

[Kaedah 6]

BENTUK LAPORAN AKAUNTAN

NOTA:

(A) Dalam hal firma yang mempunyai sebilangan rakan kongsi, salinan Laporan boleh dikemukakan dengan syarat perenggan 1 di bawah dilengkapkan pada setiap Laporan dengan nama semua rakan kongsi itu.

(B) Laporan ini boleh termasuk laporan berkenaan dengan pemeriksaan yang dijalankan terhadap buku, akaun dan dokumen firma Peguam Syarie yang didaftarkan di mana-mana Negeri di Malaysia di bawah undang-undang yang berkenaan yang berhubungan dengan profesion guaman syarie yang berkuat kuasa di Negeri itu bagi tempoh perakaunan yang berkaitan.

1. Nama Penuh Peguam Syarie . . . . . .

(HURUF BESAR)

2. Nama Firma dan Alamat* . . . .
. . . . . .

3. Sama ada beramal sendiri . . . . . .
atau secara perkongsian . . . . . .

4. Tempoh Perakaunan**

Bermula . . . . . Berakhir . . . . . .

Bermula . . . . . Berakhir . . . . . .

* Semua alamat yang padanya Peguam Syarie beramal mesti diliputi dalam Laporan Akauntan atau Laporan-Laporan Akauntan. Sekiranya sesuatu alamat tidak diliputi, sebab mesti dinyatakan.

** Tempoh mesti mematuhi seksyen 67 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 dan Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan) 2023.

LAPORAN AKAUNTAN

Pada mematuhi seksyen 67 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*] dan Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan) 2023 [*P.U. (A) 67/2023*], saya telah memeriksa setakat yang dikehendaki mengikut kaedah 5 Kaedah-Kaedah tersebut buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada saya berkenaan dengan amalan Peguam Syarie yang dinamakan di atas.

1. Setakat yang pendapat boleh diasaskan kepada pemeriksaan yang terhad ini, saya berpuas hati bahawa semasa tempoh yang dinyatakan di atas dia telah mematuhi peruntukan Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023 [*P.U. (A) 66/2023*], kecuali setakat yang berkenaan dengan—

   **(a)* pelanggaran tertentu yang remeh yang disebabkan oleh kesilapan perkeranian atau kesilapan dalam tatabuku, yang semuanya telah dibetulkan apabila disedari dan saya berpuas hati bahawa tiada satu pun daripadanya telah menyebabkan apa-apa kerugian kepada mana-mana anak guam;

   **(b)* perkara-perkara yang dinyatakan dalam Apendiks A, yang berkenaan dengannya saya tidak dapat memuaskan hati saya atas sebab yang dinyatakan di dalamnya;

   **(c)* perkara-perkara yang dinyatakan dalam Apendiks B, yang berkenaan dengannya pada pendapat saya Peguam Syarie tidak mematuhi peruntukan Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023.

* Potong subperenggan yang tidak berkenaan.

2. Akaun anak guam yang diperiksa bagi maksud Laporan ini—

Nama Institusi Kewangan Islam	Alamat	No. Akaun
(1)		
(2)		
(3)		
(4)		
(5)		

3. Keputusan daripada perbandingan yang dikehendaki di bawah perenggan 5(1)*(f)* Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan) 2023, pada tarikh yang saya pilih adalah seperti yang berikut:

(a) pada . . . . . .

*(i) angka-angka adalah selaras;

*(ii) terdapat perbezaan yang dikira seperti yang berikut:

	RM
Tanggungan kepada anak guam sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun lejar anak guam	
Wang tunai yang dipegang dalam akaun anak guam selepas mengambil kira cek dan bayaran belum jelas yang dijelaskan selepas tarikh tersebut	
	RM

* Potong subsubperenggan (i) atau (ii) mengikut kesesuaian.

(b) pada . . . . . .

*(i) angka-angka adalah selaras;

*(ii) terdapat perbezaan yang dikira seperti yang berikut:

	RM
Tanggungan kepada anak guam sebagaimana yang ditunjukkan oleh akaun lejar anak guam	
Wang tunai yang dipegang dalam akaun anak guam selepas mengambil kira cek dan bayaran belum jelas yang dijelaskan selepas tarikh tersebut	
	RM

4. **(a)* Apabila telah bersara daripada beramal secara aktif sebagai Peguam Syarie . . . . . yang tersebut itu berhenti memegang wang anak guam pada . . . . . .

**(b)* Apabila telah berhenti beramal di bawah gelaran . . . . . yang tersebut itu berhenti memegang wang anak guam di bawah gelaran itu pada . . . . . .

Butir-butir akauntan:
Nama Penuh . . . . . .
Kelayakan . . . . . .

* Potong subsubperenggan (i) atau (ii) mengikut kesesuaian.

** Potong subperenggan *(a)* atau *(b)* mengikut kesesuaian.

Nama Firma . . . . . .

Alamat . . . . . .

Tandatangan . . . . . .

Tarikh . . . . . .

Kepada:

Setiausaha,

Majlis Peguam Syarie,

Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Bertarikh . . . . . 20. . .

Apendiks A

Perkara-perkara yang berkenaan dengannya akauntan tidak dapat memuaskan hatinya dan sebab-sebab baginya:
(Sila nyatakan)

Apendiks B

Perkara-perkara (selain pelanggaran remeh) yang berkenaan dengannya akauntan mendapati bahawa Peguam Syarie tidak mematuhi peruntukan Kaedah-Kaedah Profesion Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023.
(Sila nyatakan)

Dibuat 23 Februari 2023
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
Pengerusi Majlis Peguam Syarie

Diluluskan 6 Mac 2023
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION
(FEDERAL TERRITORIES) (ACCOUNTANT'S REPORT) RULES 2023

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Accountants' reports may be given by certain accountants
4. Disqualification of accountant from giving accountant's report
5. Duties of accountant before signing report
6. Form of accountant's report
7. Exemption from submitting accountant's report
8. Accounting periods
9. Service of notice

SCHEDULE

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION
(FEDERAL TERRITORIES) (ACCOUNTANT'S REPORT) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by section 68 of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [*Act 814*], the *Majlis Peguam Syarie*, with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the ***Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Accountant's Report) Rules 2023**.

(2) These Rules come into operation on 15 March 2023.

Interpretation

2. In these Rules, "account", "client account", "client", "trust money" and "client's money" have the meaning assigned to them in rule 2 of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023 [*P.U. (A) 66/2023*].

Accountants' reports may be given by certain accountants

3. (1) An accountant shall be qualified to give the accountant's report referred to in section 67 of the Act if—

(a) he is an approved company auditor as defined in the Companies Act 2016 [*Act 777*];

(b) he has neither been at any time during the accounting period, nor subsequently, before giving his report, become a partner or employee of the *Peguam Syarie* for whom the accountant's report is given or of any partner of the *Peguam Syarie*; and

(c) he is not disqualified under rule 4.

Disqualification of accountant from giving accountant's report

4. (1) Where—

(a) an accountant has been found guilty by the disciplinary authority of his professional body of unprofessional conduct; or

(b) the *Majlis Peguam Syarie* is satisfied that an accountant is negligent in giving an accountant's report by failing to specify in the report any non-compliance by a *Peguam Syarie* of the provisions of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023,

the *Majlis Peguam Syarie* may, at any time, give a notice to the accountant concerned requiring him to provide, within fourteen days from the date of receipt of the notice, an explanation as to why he should not be disqualified from giving the accountant's report.

(2) The *Majlis Peguam Syarie* shall—

(a) after taking into consideration the explanation given by such accountant; or

(b) if the accountant fails to provide any explanation within the period specified in subrule (1), after the expiration of such period,

decide on whether the accountant shall be disqualified from giving the accountant's report.

(3) The *Majlis Peguam Syarie* shall notify in writing of its decision made under subrule (2) to the the accountant concerned and the *Peguam Syarie* for whom the accountant's report has been given.

Duties of accountant before signing report

5. (1) For the purposes of giving an accountant's report, an accountant shall ascertain from the *Peguam Syarie* particulars of all accounts, including trust accounts, kept, maintained or operated by the *Peguam Syarie* in connection with his practice at any time during the accounting period to which his report relates and make the following examination of the books, accounts and other relevant documents of the *Peguam Syarie*:

(a) examine the book-keeping system in every office of the *Peguam Syarie* to enable the accountant to verify that such system complies with the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023, and if so determine that—

(i) an appropriate ledger account is kept for each client;

(ii) such ledger accounts show separately from other information particulars of all clients, money received, held or paid for each client; and

(iii) transaction relating to clients' money and any other money dealt with through a client account are recorded in the *Peguam Syarie's* book so as to distinguish such transactions from transactions relating to any other money received, held or paid by the *Peguam Syarie*;

(b) make test checks of postings to clients' ledger accounts from records of receipts and payments of clients' money and make test checks of the costs of such accounts and records;

(c) compare a sample of lodgement into the payments from the client account as shown in account statements with

the *Peguam Syarie's* records of receipts and payments of clients' money;

(d) enquire into and test check the system of recording costs and of making transfer in respect of costs from the client account;

(e) make a test examination of such documents as he shall request the *Peguam Syarie* to produce to him with the object of ascertaining and confirming—

(i) that the financial transactions, including those giving rise to transfer from one ledger account to another, evidenced by such documents, are in accordance with the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023; and

(ii) that the entries in clients' ledger accounts reflect those transactions in a manner complying with the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023;

(f) extract, or check extractions of, balances of the clients' ledger accounts during the accounting period under review at not fewer than two dates selected by the accountant (one of which may be the last day of the accounting period), and at each such date—

(i) compare the total as shown by such ledger accounts of the liabilities to the clients, including the clients for whom trust money is held in the client account, with the cash book balance on client account; and

(ii) reconcile that cash book balance with the client account balance as confirmed directly to the accountant by the Islamic financial institution;

(g) satisfy himself that reconciliation statements have been kept in accordance with the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023;

(h) make a test examination of the clients' ledger accounts in order to ascertain whether payments from the client account have been made on any individual account in excess of money held on behalf of that client;

(i) peruse such office ledger, cash accounts and account statements maintained by the *Peguam Syarie* to ascertain whether any client's money has not been paid into a client account; and

(j) request for such information and explanations as he may require arising out of paragraphs *(a)* to *(i)*.

(2) Where a *Peguam Syarie* uses a computerised or mechanical system of accounting which automatically produces an extraction of all client ledger balances, the requirement of paragraph (1)*(f)* that all client ledger balances extracted on the list produced by the computer or machine must be checked against the individual records of ledger accounts is waived provided that the accountant—

(a) is satisfied that a satisfactory system or control is in operation;

(b) carries out a test check of the extraction against the individual records; and

(c) specifies in his report that he has relied on this manner.

(3) Except as provided in subrule (2), the remainder of the requirements of paragraph (1)*(f)* is not waived and the appropriate comparisons must continue to be made at no fewer than two dates.

(4) Nothing in subrule (1) shall require the accountant—

(a) to extend his enquiries beyond the information contained in the relevant documents relating to any client's matter produced to him supplemented by such information and explanations obtained by him from the *Peguam Syarie*;

(b) to enquire into the stocks, shares, other securities or documents of title held by the *Peguam Syarie* on behalf of his clients; or

(c) to consider whether the books of account of the *Peguam Syarie* have been properly written up in accordance with the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023, at any time other than the time at which his examination of those books and accounts takes place.

(5) If after making an examination in accordance with this rule, it appears to the accountant that there is evidence that the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023 have not been complied with, he shall make such further examination as he considers necessary in order to complete his report with or without qualification.

Form of accountant's report

6. (1) An accountant's report submitted by a *Peguam Syarie* under these Rules shall be in the form set out in the Schedule.

(2) Where a *Peguam Syarie* is also a State *Peguam Syarie*, the *Peguam Syarie* may, for the purposes of these Rules, submit—

(a) an accountant's report which includes a report in respect of the examination conducted on the books, accounts and documents of the firm of the *Peguam Syarie* registered in any State in Malaysia under the relevant law for the relevant accounting period; or

(b) the accountant's report which has been submitted by the *Peguam Syarie* under the relevant law which includes a report in respect of the examination conducted on the books, accounts and documents of the firm of the *Peguam Syarie* registered in the Federal Territories for the relevant accounting period.

(3) For the purposes of this rule, "relevant law" means any written law relating to the *syarie* legal profession in force in the relevant State.

Exemption from submitting accountant's report

7. (1) For the purposes of paragraph 28(2)*(b)* of the Act, *Peguam Syarie* shall be exempted from submitting an accountant's report in respect of any practice year in which the *Peguam Syarie*—

(a) holds his first practising certificate;

(b) after having for twelve months or more ceased to hold a current practising certificate, holds his next practising certificate; or

(c) has not in the twelve months preceding his application for an Annual Practising Certificate—

(i) practised as a sole proprietor or in partnership; or

(ii) held or received client's money.

(2) The *Majlis Peguam Syarie* may require any *Peguam Syarie* to whom subrule (1) applies to produce to the *Majlis Peguam Syarie* such evidence, by statutory declaration or otherwise, as may be required to verify the facts mentioned in subrule (1).

Accounting periods

8. (1) The accounting period specified in an accountant's report submitted during the practice year beginning on 1 January shall begin on 1 January of that year and terminate on 31 December of the same year.

(2) In any practice year beginning on or after 1 January—

(a) in the case of a *Peguam Syarie* who—

(i) is required to submit his first accountant's report; or

(ii) having been exempted under rule 7 in respect of the preceding practising year, is required to submit an accountant's report,

the accounting period shall begin on the date upon which he first holds or receives client's money, or after the exemption he begins to hold or receive client's money; and

(b) in the case of a *Peguam Syarie* retiring from practice who is required to submit his final accountant's report, the accounting period shall end on the date upon which he ceased to hold or receive client's money.

(3) The accounting period—

(a) in respect of a *Peguam Syarie* referred to in subrule (2); and

(b) in any practice year beginning on or after 1 January, in respect of a *Peguam Syarie* who—

(i) is not exempted under rule 7 in respect of the preceding practice year; and

(ii) since the expiry of the accounting period covered by his last accountant's report, has become, or ceased to be, a member of a firm of *Peguam Syarie*,

may cover less than twelve months and shall in all other aspects comply with the requirements of subsection 67(3) of the Act.

Service of notice

9. (1) Every notice to be given by the *Majlis Peguam Syarie* under these Rules to a *Peguam Syarie* or to an accountant shall be in writing under the hand of the Secretary or a member of the *Majlis Peguam Syarie* designated by the *Majlis Peguam Syarie* for that purpose.

(2) The notice referred to in subrule (1) shall be sent to the *Peguam Syarie* or the accountant—

(a) by personal service;

(b) by registered post or courier—

(i) in the case of the *Peguam Syarie*, to the last known address of the *Peguam Syarie*; or

(ii) in the case of the accountant, to the address of the accountant shown on the accountant's report or appearing in the records of the accountancy body of which the accountant is a member; or

(c) in circumstances determined by the *Majlis Peguam Syarie*, by e-mail.

(3) If the notice referred to in subrule (1) is sent—

(a) by registered post under paragraph (2)*(b)*, the notice shall be deemed to have been received by the *Peguam Syarie* or the accountant, as the case may be, within seven days from the time of posting; or

(b) by e-mail under paragraph (2)*(c)*, the notice shall be deemed to have been received by the *Peguam Syarie* or the accountant, as the case may be, at the time when the e-mail is transmitted to his e-mail address.

SCHEDULE

[Rule 6]

FORM OF ACCOUNTANT'S REPORT

NOTES:

(A) In the case of a firm with a number of partners, copies of the Report may be submitted provided paragraph 1 below is completed on each Report with the name of all the partners.

(B) This Report may include report in respect of the examination conducted on the books, accounts and documents of the firm of a *Peguam Syarie* registered in any State in Malaysia under the written law relating to the *syarie* legal profession in force in such State for the relevant accounting period.

1. *Peguam Syarie*'s Full Name . . . . . .

(CAPITAL LETTERS)

2. Firm(s) Name(s) and Address(es)* . . . . . .

. . . .

3. Whether practising alone . . . . . .

or in partnership . . . . . .

4. Accounting Period(s)**

Beginning . . . . . Ending . . . . . .

Beginning . . . . . Ending . . . . . .

* All addresses at which the *Peguam Syarie*(s) practise(s) must be covered by Accountants Report or Reports. If an address is not so covered, the reason must be stated.

** The period(s) must comply with section 67 of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 and the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Accountant's Report) Rules 2023.

ACCOUNTANT'S REPORT

In compliance with section 67 of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [*Act 814*], and the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Accountant's Report) Rules 2023 [*P.U. (A) 67/2023*], I have examined to the extent required by rule 5 of the said Rules the books, accounts and documents produced to me in respect of the above practise(s) of the abovenamed *Peguam Syarie*.

1. In so far as an opinion can be based on this limited examination, I am satisfied that during the above mentioned period(s) he has complied with the provisions of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023 [*P.U. (A) 66/2023*], except so far as concern—

   *(a) certain trivial breaches due to clerical errors or mistakes in book-keeping, all of which were rectified on discovery and none of which, I am satisfied, resulted in any loss to any client;

   *(b) the matters set out in Appendix A, in respect of which I have not been able to satisfy myself for the reasons therein stated;

   *(c) the matters set out in Appendix B, in respect of which it appears to me that the *Peguam Syarie* has not complied with the provisions of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023.

* Delete subparagraphs not applicable.

2. Client Account examined for the purposes of this Report—

Name of Islamic Financial Institution	Address	Account No.
(1)		
(2)		
(3)		
(4)		
(5)		

3. The results of the comparisons required under paragraph 5(1)*(f)* of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Accountant's Report) Rules 2023, at the dates selected by me are as follows:

(a) at . . . . . .

*(i) the figures were in agreement;

*(ii) there was a difference computed as follows:

	RM
Liabilities to clients as shown by clients' ledger accounts	
Cash held in client account after allowance for outstanding cheques and lodgments cleared after that date	
	RM

* Delete subsubparagraph (i) or (ii) as appropriate.

(b) at . . . . . .

*(i) the figures were in agreement;

*(ii) there was a difference computed as follows:

	RM
Liabilities to clients as shown by clients' ledger accounts	
Cash held in client account after allowance for outstanding cheques and lodgements cleared after that date	
	RM

4. **(a) Having retired from active practice as a *Peguam Syarie* the said . . . . . ceased to hold client's money on . . . . . .

**(b) Having ceased to practice under the style of . . . . . the said . . . . . ceased to hold client's money under that style on. . . . . .

Particulars of the accountant:

Full Name . . . . . .

Qualifications . . . . . .

Firm Name . . . . . .

Address . . . . . .

Signature . . . . . .

Date . . . . . .

** Delete subparagraph *(a)* or *(b)* as appropriate.

To:

Secretary,
Majlis Peguam Syarie,
Federal Territories.

Dated . . . . . 20. . .

Appendix A

Matters in respect of which the accountant has been unable to satisfy himself and the reasons for that inability:
(Please state)

Appendix B

Matters (other than trivial breaches) in respect of which it appears to the accountant that the *Peguam Syarie* has not complied with the provisions of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023.
(Please state)

Made 23 February 2023
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
Chairman of Majlis Peguam Syarie

Approved 6 March 2023
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Minister in the Prime Minister's Department
(Religious Affairs)